

## **PROSES ASIMILASI NASAL DALAM HUKUM TAJWID DENGAN BAHASA MELAYU DAN INGGERIS**

*(Nasal assimilation process in Tajwid, in relation to Malay and English Languages)*

Nur Zahin Kasnin & Sharifah Raihan Syed Jaafar

### **ABSTRAK**

Kitab suci al-Quran merupakan sebuah kitab yang memiliki kesempurnaan dari segala aspek sama ada dari segi maknanya mahupun hukum-hukum bacaannya. Sehingga kini al-Quran masih dipelihara dan dijadikan pedoman oleh seluruh umat islam di dunia. Selain memiliki bahasa yang tinggi, keindahan al-Quran juga dapat dilihat dari segi hukum bacaannya yang disebut sebagai hukum tajwid. Keindahan lantunan bacaan al-Qur'an ini dapat dilihat apabila wujudnya penyatuan bunyi-bunyi huruf al-Qur'an yang dialunkan mengikut hukum bacaannya yang betul. Namun, pembahagian dalam hukum-hukum tajwid yang perlu diterapkan dalam pembacaan al-Qur'an begitu meluas. Dalam pembelajaran ilmu tajwid, pengklasifikasian bagi setiap hukum terbahagi kepada beberapa bahagian kecil. Setiap hukum-hukum tersebut juga memperlihatkan proses dan cara bacaan yang berbeza-beza walaupun ia hadir dalam satu kelompok hukum yang sama. Maka makalah ini dilaksanakan bagi membincangkan satu bahagian hukum sahaja yang melibatkan bunyi nasal (nun sakinah dan juga tanwin) yang hadir dalam kalimah al-Qur'an. Tujuan utama perbincangan makalah ini adalah untuk memperlihatkan perkaitan mengenai kewujudan proses asimilasi dalam hukum tajwid dengan bahasa-bahasa pertuturan lain yang ada di Malaysia seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Proses asimilasi ini merupakan suatu proses penggabungan sesuatu bunyi ke dalam sesuatu bunyi konsonan yang hadir selepasnya. Proses asimilasi nasal ini yang dilihat wujud dalam hukum tajwid turut mempengaruhi cara sebutan bagi beberapa hukum yang berkaitan. Misalnya bagi hukum *Idgham Bila al-Ghunnah*, *Idgham Maal Ghunnah*, *Ikhfa' Hakiki*, *Izhar Halqi*, dan *Iqlab*. Oleh yang demikian, makalah ini diharap dapat membantu pembaca mengenal pasti proses asimilasi yang wujud dalam ketiga-tiga bahagian ini.

Kata kunci: Asimilasi nasal, Hukum Tajwid, Nasal, Tanwin, Nun Sakinah.

### **ABSTRACT**

The holy book of Qur'an is a book that has the perfection of all aspects either in terms of its meaning or its reading rules. The Qur'an is still maintained and guided by all Muslims in the world until now. Besides of having a high language, the beauty of the Qur'an can also be seen in terms of its reading rules that known as the rules of tajwid. The beauty of reading Qur'an can be seen when there is a combination of the sound of Qur'anic alphabet that be read according to the correct reading rules. However, the division of tajwid rules that need to be applied in the reading of the Qur'an is so widespread. In learning tajwid, the classification of each rules is divided into

several parts. Each of these rules also shows the different process and ways of reading them even though they are classified in a same category of rule. So that, this paper is made to discuss about one part of the rule involving the nasal sound (quiescent nun and nunation) exists in the Qur'an words. The main purpose of this paper is to show the relevance of the existence of the assimilation process in tajwid rules with other speech languages in Malaysia such as Malay and English. This assimilation process is a process of merging a sound into the sound of a consonant that comes after it. This nasal assimilation process seen in the tajwid rules that affected the way how to pronounce Qur'an words in certain rules. For instance Idgham Bila al-Ghunnah, Idgham Maal Ghunnah, Ikhfa' Hakiki, Izhar Halqi, and Iqlab. Thus, this paper is hoped to help the reader to recognize the assimilation process in these three parts differently.

*Keywords: Nasal assimilation, Tajwid Rules, Nasal, Nunation, Quiescent Nun*

## PENGENALAN

Ilmu tajwid ialah suatu ilmu yang dijadikan panduan untuk membaca al-Qur'an dengan baik. Bagi umat Islam, ilmu tajwid dianggap sebagai suatu ilmu klasik yang perlu dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan harian. Ia dijadikan sebagai kegunaan bagi memperelokkan lagi bacaan al-Qur'an supaya menjadi lebih baik.

Al-Qur'an dari segi sudut bahasa berasal dari kata “قراء” yang bererti “bacaan” yang merupakan kata terbitan dari kata “فعلان”. Manakala dari sudut istilah pula, al-Qur'an didefinisikan sebagai kalamullah yang diturunkan kepada nabi Muhammad (s.a.w) sebagai mukjizat yang membuktikan kenabian Baginda. Tambahan pula, al-Qur'an adalah kitab suci yang terakhir diturunkan oleh Allah (s.w.t) sebagai panduan hidup yang lengkap untuk manusia dalam pelbagai aspek. Al-Qur'an juga merupakan mukjizat terunggul yang diturunkan oleh Allah (s.w.t) kepada nabi Muhammad (s.a.w) melalui perantaraan malaikat Jibril seterusnya telah disebarkan kepada sekalian manusia.

Pembacaan al-Qur'an pula adalah suatu ilmu yang diwarisi secara *musyafahah* (dari mulut ke mulut) bermula dari nabi Muhammad yang memperolehi bacaannya dari malaikat Jibrail a.s. Kemudian Baginda mewariskan bacaannya kepada para sahabat secara *talaqqi* dan *musyafahah* sebagaimana bacaan yang beliau terima dari Jibril a.s. tanpa mengubahnya. Dari para sahabatlah al-Qur'an terus diwarisi serta dipelihara bacaan dan keasliannya kepada seluruh umat Islam sehingga ke hari ini. Selain itu, Baginda Rasulullah (s.a.w) pernah menegaskan bahawa al-Qur'an adalah satu sumber ilmu yang perlu dikaji dan dianalisis kandungannya supaya ia benar-benar membawa faedah kepada manusia sejagat. Sabda Baginda (s.w.t):

مَنْ أَرَادَ الْعِلْمَ فَلْيُنَوِّرِ الْقُرْآنَ

Maksudnya: *Sesiapa yang mahukan ilmu, maka dia hendaklah mengkaji al-Qur'an.*<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Tabarani, *al-Mu'jam al Kabir*, (8664), (8665) dan (8666) j.9, hlm. 135-136 dan al-Baihaqi, *Syu'ab al-Iman*, (1808), j.3, hlm.347

Sehubungan dengan itu juga, baginda Rasulullah (s.a.w) amat mementingkan pembacaan al-Qur'an yang betul dan tepat semasa hayatnya. Allah (s.w.t) juga telah berfirman dalam surah Al-Muzammil; 4;

Maksudnya: “*Bacalah al-Qur'an itu dengan Tartil (bertajwid)*”

Allah (s.w.t) juga telah memerintahkan Baginda Rasulullah (s.a.w) agar tidak membaca al-Qur'an dengan tergesa-gesa sebagaimana firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Qiyamah: 16-18 yang bermaksud,

“*Janganlah engkau (wahai Muhammad) - kerana hendakkan cepat menghafaz Qur'an yang diturunkan kepadamu – menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Qur'an itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu; Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu;*”

Menurut Al Juraisi, Muhammad Makki Nasr dalam penulisan kitabnya iaitu *al-qaulul mufid nihayah* ada menyatakan bahawa mempelajari ilmu tajwid adalah fardu Kifayah. Namun mempraktikkannya dalam bacaan pula adalah fardu 'Ain<sup>2</sup>. Maka hukum membaca al-Qur'an dengan bertajwid adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam. Dengan demikian, secara umumnya dari segi bahasa tajwid membawa maksud memperelokkan atau mencantikkan. Manakala dari segi istilah pula, tajwid bermaksud suatu ilmu untuk mengetahui cara melafazkan huruf-huruf al-Qur'an dengan betul. Maka secara ringkasnya ilmu tajwid ialah pengetahuan tentang kaedah serta tatacara membaca al-Qur'an dengan baik dan betul. Oleh itu adalah menjadi tuntutan kepada seluruh umat Islam untuk memperelokkan sebutan serta menunaikan hak setiap huruf dan sifatnya<sup>3</sup> dalam bacaan sama ada sifat-sifat yang asli mahupun yang mendatang.<sup>4</sup>

Berdasarkan makna firman Allah (s.w.t) di dalam surah Al-Muzammil ayat 4 pula, *Tartil* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah bacaan lambat dan tenang serta melafazkan setiap huruf dari makhrajnya yang betul serta memenuhi hak sifat asli dan sifat mendatang pada huruf yang berkenaan dan memelihara segala hukum tajwid serta melihat pada maknanya.<sup>5</sup> Hal ini menunjukkan makna *Tartil* itu sendiri telah menunjukkan ia mempunyai makna yang sama dengan tajwid secara keseluruhannya. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa makna kata *Tartil* adalah merujuk kepada bacaan yang bertajwid. Maka membaca al-Qur'an dengan betul dan bertajwid adalah amat dituntut oleh agama.

---

<sup>2</sup> Al-Juraisi, Muhammad Makki Nasr, Kitab: *al-qaulul mufid nihayah* m/s: 13.

<sup>3</sup> Perkataan **sifat** dari segi istilah ilmu tajwid bermaksud ciri yang memperihalkan suara sesuatu huruf.

<sup>4</sup> **Sifat yang asli** adalah sifat-sifat yang lazim pada huruf yang tidak dapat dipisahkan. Misalnya sifat *Ghunnah* (dengungan yang sememangnya lazim berada pada huruf nun dan mim), sifat *Jahr*, *Syiddah*, *Isti'la'* dan sebagainya. Manakala **sifat mendatang** pula adalah sifat-sifat yang timbul dari sifat yang asli. Contohnya seperti *Tafkhim* (bacaan tebal) yang timbulnya dari sifat *Isti'la'* (meninggi) dan *Tarqiq* (bacaan nipis) timbulnya dari sifat *Istifal* (merendah) dan sebagainya.

## NUN SAKINAH DAN NUN TANWIN

Di dalam pembelajaran ilmu tajwid, terdapat empat hukum teras yang melibatkan kehadiran nun sakinah atau tanween apabila bertemu dengan huruf abjad bahasa Arab yang mengandungi 28 huruf dalam al-Qur'an. Antaranya ialah *Izhar*, *Idgham*, *Ikhfa'* dan *Iqlab*. Nun sakinah ialah huruf nun (ن) yang bertanda sukun di atasnya (نْ). Kehadiran nun sakinah ini akan kekal sama ada dari segi bacaannya mahupun tulisan. Selain itu, nun sakinah juga tetap wujud ketika menyambung atau memberhentikan bacaan kepadanya. Kewujudan nun sakinah boleh dilihat pada pertengahan atau di hujung *isim* (kata nama), *fi'il* (kata kerja) dan *harf* (kata partikel).

Tanwin pula dikenali sebagai huruf nun tambahan yang bertanda sukun dan hanya boleh dilihat di akhir kata nama am yang bertanwin sahaja. Tanwin dikatakan wujud dari segi bacaan, namun bukanlah dari segi tulisan. Tanwin juga tidak wujud ketika bacaan berhenti berlaku kepadanya. Tanwin turut didapati dalam bentuk baris yang mengandungi dua baris di atas (أَ أْ), dua baris di bawah (يِ يْ), dan dua baris di hadapan (وُ وْ). Selain itu, huruf nun sakinah ini memiliki sifat *Ghunnah* yang bermaksud dengung atau sengauan. Dari segi istilah tajwid, perkataan *Ghunnah* ini bermaksud suara sengau yang keluar dari pangkal hidung<sup>6</sup> semasa menyebut huruf-huruf *Ghunnah* terutama sekali apabila huruf-huruf ini berada dalam keadaan sukun. Pada keadaan berbaris pula, sifat *Ghunnah* ini dikatakan masih juga wujud pada huruf-hurufnya. Terdapat dua huruf sahaja yang memiliki sifat *Ghunnah* ini. Selain nun sakinah, mim sakinah juga antara huruf yang memiliki sifat dengungan.

Menurut istilah bahasa pula, dengung membawa erti mengeluarkan bunyi melalui hidung atau suara lembut yang keluar dari rongga hidung (*Khaisyum*) berikutan dengan menurunkan anak lidah dan terbukanya langit lembut (velum). Selain itu, dalam pembelajaran ilmu tajwid, suara lembut yang dimaksudkan hanyalah dimiliki oleh dua huruf yang mempunyai sifat *Ghunnah* ini iaitu huruf nun dan mim. Namun begitu, tidak ketinggalan juga dalam ilmu fonetik yang turut mendefinisikan *Ghunnah* sebagai bunyi nasal yang berartikulasi pada rongga hidung yang berfungsi sebagai tempat keluar udara. Sewaktu menyebutnya, langit lembut atau velum diturunkan dan udara dari paru-paru ditekan melalui rongga kerongkong<sup>7</sup>.

## KAJIAN MENGENAI HUKUM TAJWID DI MALAYSIA

Setelah meneliti beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan hukum tajwid dan juga proses-proses fonologi yang berlaku di dalamnya, kebanyakan kajian di Malaysia dan Indonesia hanyalah memperlihatkan kaedah-kaedah pembelajaran tajwid dengan cara mudah tanpa memperincikan hubungkaitnya dengan ilmu fonetik dan fonologi. Misalnya seperti kajian dari Rudiyanto (2014), Nur Hazirah bt Tahar & Salleh bin Jusoh @ mamat (2013), Mohamad Razif bin Mohamad Nawawi & So'od bin Chik (2013), Nurul Husna bt Abdul Mutalib & Mohd Ja'afar bin Latif (2013), Nor Amalina bt Ahmad Azahari & Rahim bin Mohamed (2013).

Tidak ketinggalan juga kajian-kajian terhadap pengenalanpastian kesalahan tajwid dengan cepat dan mudah turut diketengahkan seperti kajian dari Zunnajah Kamaruddin (2005) dan Nor Jamaliah bt Ibrahim (2010) yang dilakukan seiring dengan peningkatan kejayaan teknologi

<sup>6</sup> Qomhawi Muhammad Al-Shodik, Kitab: *البرهان في تويد القرآن*, m/s 23

<sup>7</sup> Muhammad Ali al-Khuli, *op. cit*, h. 31.

terkini yang semakin pesat membangun. Kajian-kajian sebegini tidak dinafikan sedikit sebanyak dapat membantu pembaca memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam bacaan al-Qur'an. Namun begitu, kajian-kajian yang memfokuskan kepada kaedah pembelajaran tajwid dengan bantuan teknologi terkini dilihat kebanyakannya kurang mampu menjelaskan bagaimana wujudnya perbezaan bacaan bagi setiap hukum-hukum tajwid yang ada dengan lebih terperinci. Dengan wujudnya kecanggihan alat bantuan yang dicipta bagi kemudahan mendalami ilmu tajwid juga, sudah semestinya cara dan pengaplikasiannya amat terhad dan ringkas agar mudah digunakan dan difahami oleh semua. Oleh yang demikian, terdapat kelemahan dari segi menghuraikan proses-proses yang berlaku dalam hukum tajwid dengan lebih jelas. Perkara sebegini juga boleh dikategorikan sebagai suatu masalah dalam mencapai satu tahap penguasaan dan pencapaian yang baik bagi mendalami ilmu tajwid.

Ahmad Sayuti Anshari Nasution (2014) banyak memerihalkan mengenai makhraj dan sifat-sifat bunyi huruf-huruf di dalam al-Qur'an. Beliau menyatakan bahawa ulama tajwid membahagikan konsonan kepada tujuh makhraj utama yang bersesuaian dengan tujuh jenis organ pertuturan sebagai titik artikulasi. Antaranya ialah Konsonan *labial* (شفوية), Konsonan *dental* (أسنانية), Konsonan *alveolar* (لثوية), Konsonan *palatal* (طبقيّة), Konsonan *velar* (حنكيّة), Konsonan *uvular* (لهوية) dan Konsonan *pharyngeal* (حلقية). Kajian ini juga turut memperincikan mengenai sifat-sifat bunyi beserta huruf-hurufnya seperti bunyi bersuara, bunyi tidak bersuara, bunyi letupan, bunyi geseran, bunyi oral, nasal dan oronasal, serta bunyi tebal dan nipis. Namun permasalahan yang timbul dalam kajian ini adalah apabila setiap penjelasan dihuraikan dengan baik beserta istilah-istilah dan definisi yang lengkap tetapi tidak disertakan contoh-contoh ayat mahupun perkataan bagi mengukuhkan lagi pembuktian penghuraian tersebut. Selain itu, perkaitan di antara sifat dan makhraj juga tidak dikaitkan dengan hukum-hukum tajwid yang ada seperti hukum *Izhar Halqi*, *Idgham*, *Ikhfa'*, *iqlab* dan sebagainya. Hal ini turut disadari oleh Ahmad Sayuti Anshari Nasution sendiri dan beliau turut menyatakan permasalahan ini pada bahagian kesimpulan kajian beliau. Tambah beliau, suatu kajian yang lain boleh dilaksanakan bagi meneliti perkaitan di antara sifat-sifat huruf dengan hukum-hukum tajwid. Tambahan pula, wujud juga perbezaan yang ketara dalam bacaan bagi hukum-hukum tajwid yang dikaji walaupun melibatkan huruf nasal yang sama. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam bacaan sekiranya tidak dinyatakan perbezaan hukum tersebut dengan jelas beserta contoh yang bersesuaian.

Kajian daripada Nurul Husna dan Mohd. Ja'afar (2013) pula telah memperkenalkan suatu bentuk pembelajaran ilmu tajwid dengan menggunakan kaedah teknik pantun dua kerat. Suatu bentuk pengajaran dan pemudahcaraan (PdP) telah dilaksanakan dalam kajian ini. Kaedah PdP ini diterapkan bagi mengenalpasti masalah murid terutamanya dalam mengenalpastian bacaan yang perlu dibaca dengan dengungan dan tanpa dengungan. Kajian ini dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kemahiran mengenalpasti bacaan berdengung dan tidak berdengung melalui teknik pantun dua kerat. Hukum tajwid yang difokuskan hanyalah hukum lima iaitu hukum *Izhar Halqi*, *Idgham Maal Ghunnah*, *Idgham Bilal Ghunnah*, *Ikhfa' Hakiki*, dan juga *Iqlab*. Nama-nama bagi tanda bacaan dengung dan tidak dengung dalam hukum lima dicipta dalam bentuk pantun bagi memudahkan murid mengingati tanda bacaan tersebut. Pantun tersebut perlulah dihafal terlebih dahulu sehingga murid mampu menguasai dan mengulang semula pantun tersebut. Setelah itu, jadual bagi membantu murid mengingati simbol, contoh bacaan dan cara bacaan dengan jelas turut diperkenalkan. Terdapat juga beberapa pengkelasan warna pada pantun dan jadual yang turut membantu murid untuk mengenalpasti kedudukan pantun dalam jadual yang telah disediakan. Kemudian 3 kali sesi dijalankan secara berperingkat. Berdasarkan

metodologi kajian yang diterapkan dalam kajian ini, suatu permasalahan telah dikenal pasti iaitu kaedah yang diaplikasikan untuk membezakan sama ada bacaan berdentung atau tidak hanyalah bergantung kepada hafalan pelajar semata-mata. Namun seperti yang telah dilihat, kewujudan perilaku nasal yang hadir dalam perkataan adalah sama, namun memperlihatkan cara bacaan yang berbeza bagi setiap hukum tajwid yang ada. Oleh yang demikian, bacaan yang dibaca beserta dengungan perlulah dikenal pasti agar pembaca tidak melakukan kesalahan ketika membaca al-Qur'an.

Selain daripada masalah kekeliruan dalam bacaan berdentung atau tanpa dengungan ini, antara permasalahan lain yang wujud juga adalah mengenai kejelasan sebutan nasal dalam kalimah yang bergantung kepada sifat-sifat huruf yang bertemu dengannya. Perbezaan cara sebutan yang berlaku adalah disebabkan oleh proses-proses fonologi tertentu yang sememangnya memerlukan penghuraian beserta contoh yang bersesuaian. Namun begitu, dalam suatu kajian hasil daripada Hani Abu Mathkour (2016) juga banyak memberi penekanan kepada proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris. Dalam kajian beliau, suatu perbandingan telah dilakukan terhadap proses asimilasi ini bagi kedua-dua bahasa tersebut yang mana turut melibatkan hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam bacaan al-Qur'an seperti bagi hukum *Iqlb*, *Ikhfa'*, *Idgham* dan *Izhar*. Selain itu juga, kajian ini memerihalkan mengenai proses-proses asimilasi yang berlaku dalam kedua-dua bahasa Arab dan Inggeris secara umum. Misalnya seperti pembahagian proses asimilasi yang terdapat dalam ilmu fonologi. Terdapat 4 pembahagian proses asimilasi yang wujud dalam membezakan kedua-dua bahasa ini. Antaranya ialah asimilasi sebahagian dan penuh, asimilasi yang merubah bunyian yang terlibat, asimilasi secara terus dan jenis-jenis asimilasi berdasarkan titik pertuturan.

Dalam pembahagian-pembahagian tersebut, terdapat juga pembahagian-pembahagian kecil di dalamnya. Contohnya bagi jenis asimilasi pada titik artikulasi, ia dapat dikelaskan lagi kepada lima bahagian kecil iaitu asimilasi pada langit keras, langit lembut, asimilasi pada bibir, asimilasi bersuara serta tidak bersuara dan juga nasalisasi. Setiap proses-proses yang berlaku dijelaskan secara umum mengenai huruf-huruf yang terlibat dalam proses asimilasi tersebut serta contoh-contoh dalam perkataannya. Akan tetapi contoh-contoh bagi setiap proses yang dihuraikan hanyalah dengan mempamerkan contoh beserta huraian secara umum. Tiada pengaplikasian bagi sebarang teori yang digunakan supaya penghuraian dapat dihasilkan dengan lebih terperinci beserta pembuktian yang lebih kukuh. Tambahan pula, proses yang melibatkan bunyi nasal turut terbahagi kepada beberapa cabang kecil. Maka perbezaan bunyi dalam sebutan khususnya bagi bahasa Arab juga akan turut terhasil dari setiap proses asimilasi yang berbeza. Hal ini dikhuatiri dapat menimbulkan kekeliruan kepada pembaca dan sewajarnya perbezaan yang berlaku ini perlulah diteliti dan difahami dengan jelas.

## **PEMBELAJARAN ILMU TAJWID.**

Ahmad Sayuti Anshari di dalam kajiannya *Memfaatkan Kajian Fonetik Untuk Pengembangan Pembelajaran Ilmu Tajwid*, banyak membincangkan mengenai *makhraj-makhraj* huruf yang mendeskripsikan *makhraj* dan sifat bunyi huruf-huruf al-Qur'an dan cara-cara membunyikannya.

Menurut Muhammad Abdel Aziz al-Hallaawi (1984), *makhraj* ialah 'tempat keluarnya huruf dari mulut atau kerongkong'. Namun terdapat beberapa hal yang mengelirukan daripada

definisi tersebut. Hal ini adalah kerana *makhraj* merupakan *point of articulation* (titik artikulasi) yang kedudukannya bukan saja terdapat di mulut atau kerongkong, malahan juga terdapat di beberapa tempat lain, seperti di bibir, gigi (dental), gusi, lelangit lembut (velum), lelangit keras (palatal), anak lidah, dan tenggorok. Kajian ini juga menjelaskan bahawa ulama tajwid telah membahagikan konsonan ke dalam tujuh *makhraj* utama yang sesuai dengan tujuh organ bicara yang menjadi *makhraj*-nya. Antaranya ialah konsonan labial (شفوية), konsonan dental (أسنانية), konsonan alveolar (لثوية), konsonan palatal (طبقيّة), konsonan velar (حنكيّة), konsonan uvular (لهوية), dan konsonan pharyngeal (حلقية). Ketujuh-tujuh organ pertuturan tersebut masih dapat dibahagikan lagi mengikut kategori-kategorinya yang tertentu. Contohnya seperti gigi yang boleh dibahagi kepada pangkal gigi, tengah gigi, dan hujung gigi. Demikian juga dengan organ-organ pertuturan yang lain. Ianya juga boleh dibahagi-bahagikan lagi supaya titik *makhraj* sebuah bunyi dapat ditentukan dengan lebih tepat dan jelas.

Mengenai sifat-sifat bunyi pula, beliau telah menerangkan mengenai pembahagian sifat-sifat huruf yang terdapat dalam ilmu tajwid dan ilmu fonetik. Walaupun istilahnya adalah berbeza, namun pengisiannya adalah hampir sama. Oleh itu, dalam kajian ini juga beliau turut memperincikan empat sifat saja iaitu bersuara, tidak bersuara, letupan, dan geseran.

Menurut *Ibn al-Jazari*, bunyi bersuara atau *jahr* didefinisikan sebagai “bunyi yang kuat”. Nafas akan terhalang dari keluar ketika membunyikan huruf-huruf bersuara ini. Di antara bunyi bersuara adalah seperti ي, ج, ل, ز, د, ض, و, ن, م, ب, /b/, /m/, /w/, /n/, /d/, /dh/, /z/, /l/, /r/, /j/, /y/. Manakala bunyi yang tidak bersuara pula didefinisikan sebagai “bunyi yang lemah”. Nafas tidak akan terhalang keluar ketika membunyikannya. Di antara bunyi yang tidak bersuara pula adalah ص, ح, ث, هـ, ش, خ, /t/, /f/, /h/, /ts/, /h/, /sy/, /kh/, /sh/, /s/, /k/. Bagi bunyi-bunyi letupan pula adalah bunyi huruf yang mempunyai suatu ikatan yang kuat dengan *makhraj*-nya sehingga bunyi tersebut dipaksa keluar (Muhammad al-Shadeq Qamhawī al-Burhan, 1978). Di antara bunyi-bunyi letupan adalah ط, ب, ج, د, ت, ك, أ, /q/, /th/, /b/, /j/, /d/, /j/, /k/. Selain itu juga, bunyi geseran pula adalah bunyi yang tidak mempunyai ikatan yang kuat dengan *makhraj*-nya sehinggakan bunyi tersebut boleh meluncur keluar dengan mudah ketika disebut. Di antara bunyi huruf-huruf geseran adalah ي, ر, ن, ل, ص, س, ذ, ظ, ف, /y/, /m/, /f/, /dz/, /zh/, /s/, /sh/, /l/, /n/, /r/).

Selain itu, dalam kajian Ahmad Sayuti Anshari (2014) telah membincangkan mengenai bunyi oral, bunyi nasal dan juga bunyi oronasal. Namun, ilmu tajwid tersebut hanya memperlihatkannya kepada dua bahagian saja, iaitu bunyi oral dan *ghunnah*, walaupun pada hakikatnya bunyi oronasal juga terdapat di dalam hukum tajwid. antara bunyi-bunyi oral ialah ب, ص, ش, س, ض, د, ط, ت, و, ذ, ظ, ف, /b/, /f/, /w/, /dz/, /zh/, /t/, /th/, /d/, /dh/, /s/, /sy/, /sh/) iaitu bunyi-bunyi yang ketika diartikulasikan, rongga hidung tidak berfungsi sebagai tempat keluar udara akibat kedudukan lelangit lembut atau anak lidah yang tinggi menutupi pintu udara dari rongga mulut ke rongga hidung sehinggalah semua udara keluar dari rongga mulut (Muhammad Ali al-Khulī, fi Mu‘jam ‘Ilm al- Ashwat, 1982).

Manakala menurut Kamal Muhammad al-Mahdi (1988) pula, ilmu tajwid turut menyebut bunyian nasal dengan *ghunnah* dan mendefinisikannya sebagai bunyi yang indah yang keluar dari rongga hidung (*khaisyum*) iaitu pada bunyi mim dan nun. Bagi bidang ilmu linguistik pula, bunyian nasal adalah bunyi yang ketika diartikulasikan, rongga hidung akan berfungsi sebagai tempat keluar udara. Hal ini disebabkan oleh lelangit lembut atau anak lidah menurun

sehinggakan pintu udara dari rongga mulut ke rongga hidung terbuka dan udara akan keluar di rongga hidung yang terbuka tersebut. Kajian ini juga ada menyatakan bahawa masih banyak lagi permasalahan yang wujud dalam mempelajari ilmu tajwid yang boleh diterangkan dalam konteks perkaitannya di antara ilmu tajwid dengan bidang ilmu fonetik, seperti bagi hukum-hukum *Izhar, Idgham, Ikhfa', Iqlab, Qalqalah, Madd* dan *Waqaf* di akhir kajiannya.

Walaubagaimana pun satu penyelidikan yang telah dijalankan oleh Surul Shahbudin Bin Hassan bersama Muhammad Azhar Bin Zailaini (2015), dalam kajiannya iaitu *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan al-Qur'an Pelajar di Sebuah Ipta* pula telah membincangkan tentang pengenalan pelbagai jenis kesalahan bacaan tajwid yang sering dilakukan ketika membaca al-Qur'an dalam kalangan pelajar-pelajar yang menuntut di sebuah IPTA awam.

Menurut Zainatunakmar Abdul Manap (2012), kelemahan murid sekolah rendah bermula dengan tidak mengenal huruf *hijaiyyah*, huruf bersambung serta tidak tahu membaca kalimah yang mempunyai pelbagai baris. Kemahiran membaca dengan bertajwid amat kurang dalam kalangan murid di sekolah rendah. Ianya berpunca daripada kurangnya penguasaan pembacaan al-Qur'an dengan baik dan lancar dalam kalangan murid-murid dari peringkat awal lagi. Akibatnya, pembelajaran al-Qur'an akan mengalami kesukaran kerana terdapatnya pelbagai kelemahan pelajar dalam pembacaan al-Qur'an. Berdasarkan kajian ini, kesalahan yang paling kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan *makhraj* dan sifat. Kesalahan sebutan *makhraj* dan sifat yang sering dilakukan pelajar adalah pada huruf-huruf yang tiada padanan sebutan yang sama dalam bahasa Melayu seperti: ث ذ ظ غ خ د ض. Selain itu, kesalahan-kesalahan yang kerap berlaku dalam bacaan pelajar turut diperjelaskan dan cadangan bagi beberapa bentuk kriteria bacaan al-Qur'an yang menunjukkan bacaan tajwid mengikut keutamaannya telah dicadangkan. Antara kriteria huruf dan baris yang betul dalam bacaan adalah seperti kriteria panjang dan pendek (*mad*), kriteria dengung dan menjelaskan dengungan (*ghunnah*), kriteria *makhraj* dan sifat-sifat huruf, kriteria tebal dan tipis (*tafkhim/tarqiq*) serta kriteria berhenti dan memulakan (*waqaf/ibtida'*). Penekanan juga diberikan kepada kesalahan sebutan dengung dan tidak dengung (*ghunnah*) telah diberikan dan dikenalpasti sebagai kategori kesalahan kedua yang kerap berlaku dalam analisa bentuk-bentuk kesalahan bacaan, iaitu sebanyak 23% secara keseluruhannya berbanding dengan kesalahan-kesalahan yang lain.

Pelbagai sebab yang telah dikenalpasti berlakunya kesalahan sebutan dengung ini. Contohnya seperti tidak mengikhfa'kan nun pada *Ikhfaq Haqiqi* (seterusnya, *IFH*), tidak mendengungkan nun bersabdu dengan dua harakat, tidak mendengungkan *IFH* dengan dua harakat, tidak tetap dalam menunaikan hukum-hukum dengung, tidak mendengungkan mim bersabdu dengan dua harakat, menipiskan dengung ketika nun bertemu huruf *Isti'la'*, mendengungkan yang tidak dengung, tidak mengikhfa'kan mim pada *Ikhfa' Syafawi* (seterusnya, *IFS*), tidak mendengungkan *Idgham Bila Ghunnah* (selepas ini, *IDBG*) dengan dua harakat, tidak mendengungkan *IFS* dengan dua harakat, tidak menggabungkan suara pada *Idgham Ma'al Ghunnah* (selepas ini, *IDMG*), menebalkan dengung ketika nun bertemu huruf *Istifal*, tidak mengikhfa'kan mim pada *Iqlab (Ikhfa' Majazi)*, tidak mendengungkan *Iqlab* dengan dua harakat serta mendengungkannya lebih dari dua harakat, dan juga tidak menggabungkan suara pada *IDBG*. Menerusi penyelidikan ini juga, pelbagai bentuk-bentuk kesalahan telah dapat dikenalpasti dalam bacaan al-Qur'an. Oleh itu, hasil dari kajian ini amat sesuai dijadikan sebagai panduan dalam pembacaan al-Qur'an dengan bertajwid.



Nurul Husna binti Abdul Mutalib et al. (2013) membincangkan masalah murid dalam bacaan yang perlu dibaca dengan dengung dan tidak dengung melalui pengajaran dan pemudahcaraan (PdP) di dalam kelas. Dalam kajian tersebut, langkah-langkah awal mengenal pasti masalah dalam bacaan telah diterangkan terlebih dahulu. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar amat lemah dalam membezakan kalimah yang perlu dibaca dengan berdengung atau tidak berdengung. Dengan kata lain, mereka sukar mencari perbezaan dalam membunyikan nun sakinah yang terdapat dalam ayat ketika memasukkannya ke dalam bacaan huruf selepas nun itu dengan membunyikan nun secara jelas dan nyata. Suatu tumpuan turut diberikan kepada pembahagian huruf-huruf *hijaiyyah* dan nama-nama dalam hukum lima bagi mengelaskan bacaan dengung dan tidak dengung dalam hukum lima ini. Menurut Mohd Firdaus (2010), hukum lima merujuk kepada hukum nun sakinah (mati) atau Tanween bertemu dengan huruf *hijaiyyah* yang terdiri daripada 28 huruf. Maka hukum bacaannya terbahagi kepada empat iaitu *Izhar*, *Ikhfa'*, *Idgham* dan *Iqlab*.

Menurut Mohamad Razif Mohamad Nawi (2013), beliau juga telah berhadapan dengan murid yang tidak kenal dan tidak mengingati huruf-huruf dalam hukum tajwid khususnya hukum lima. Tambahan pula, kajian ini juga turut menerangkan mengenai satu pengkaedahan yang menarik bagi mengatasi masalah kesalahan-kesalahan dengung yang terdapat pada bacaan al-Qur'an. Ia merupakan kaedah pantun dua kerat beserta jadual. Dalam kaedah ini, nama-nama bagi tanda bacaan dengung dan tidak dengung dalam hukum lima telah dicipta dalam bentuk pantun. Kemudian semua pelajar dipastikan telah menghafal pantun terlebih dahulu sehingga mereka boleh menyebut semula pantun tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa intervensi teknik pantun dua kerat mampu membantu murid mengenal pasti bacaan dengung dan tidak dengung dalam hukum lima. Ia mampu membantu murid serta memudahkan mereka menghafal fakta dari pantun tersebut. Selain itu juga, jadual bantuan turut membantu murid dalam mengenal pasti dan mengingati tanda-tanda bacaan dengung dan tidak dengung dalam hukum lima.

Selain daripada kaedah mencipta pantun bagi mengatasi kesalahan-kesalahan dalam ilmu tajwid, Rudiyanto (2014) pula telah mencipta suatu aplikasi pengenalan terhadap ilmu tajwid yang bertujuan untuk memudahkan pembaca mempelajari ilmu tajwid dengan lebih efisien seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Sebelum wujudnya aplikasi android ini, Rudiyanto (2014) menyatakan bahawa terdapatnya pelbagai kaedah-kaedah lain yang mampu membantu pembaca memperoleh ilmu tajwid dengan mudah. Misalnya seperti buku-buku tajwid, CD interaktif dan pembelajaran melalui *e-Learning*. Namun penggunaan buku-buku tajwid mempunyai keterbatasan yang hanya dapat mempamerkan maklumat berbentuk teks dan gambar. Selain itu juga, medium buku ini dikatakan mudah rosak dan sukar untuk dibawa kemana-mana serta memerlukan banyak ruang untuk menyimpannya. Penggunaan CD interaktif juga dikatakan mempunyai beberapa kelemahan untuk mengaksesnya yang mana pembaca memerlukan media komputer. Begitu juga dengan pembelajaran tajwid dengan menggunakan *e-Learning*. Pembaca memerlukan internet sebagai sumber utama sekiranya mereka ingin mengakses *e-Learning* bagi tujuan pembelajaran tajwid. Oleh yang demikian, Rudiyanto (2014) telah membuat satu pengkajian mengenai suatu alat bantu yang akan memudahkan pembaca untuk mempelajari ilmu tajwid dan pembacaan al-Qur'an. Dalam aplikasi media pembelajaran berlandaskan android ini, pelbagai konsep dan perkongsian juga diperkenalkan. Antaranya adalah seperti pengenalan terhadap huruf-huruf hijaiyyah, hukum nun sakinah dan tanween, hukum mim sakinah, gaya bacaan yang ditebalkan serta dinipiskan dan sebagainya. Dengan konsep-konsep

yang diperkenalkan ini menjadikan aplikasi android tersebut dilihat sebagai suatu alat bantu yang amat menarik.

Menurut Maisarah Jusoh (2010), suatu pembelajaran dikatakan terjadi atau berhasil apabila rangsangan dan isi pembelajaran mampu mempengaruhi dan merubah *performance* seseorang sebelum dia memperolehi pengajaran dan setelah pengajaran berlangsung. Rangsangan yang dimaksudkan adalah dengan persembahan ilmu tajwid yang dicipta secara berwarna dan dapat menarik minat para pembaca. Selain daripada kaedah android, terdapat juga pelbagai kaedah lain yang turut diaplikasikan dalam mempelajari ilmu tajwid. Contohnya dari kajian yang dilakukan oleh Nur Hazirah binti Tahar et al. (2013) yang melihat keberkesanan mempelajari tajwid dengan menggunakan kaedah i-Tajwid. Kaedah ini memfokuskan kepada cara bacaan resam uthmani bagi hukum nun sakinah dan tanwin. Pengkajian dilakukan terhadap 34 orang pelajar tahun 4 yang telah dikenalpasti tahap kemahiran membaca al-Qurannya. Kajian ini mendapati permasalahan utama para pelajar adalah membaca al-Qur'an dengan bertajwid. Mereka dilihat boleh membaca al-Qur'an, namun segelintir daripada mereka tidak dapat membaca al-Qur'an dengan ilmu tajwid yang betul terutamanya dari segi dengung yang dinyatakan dan tidak dinyatakan dalam bacaan. Kajian terhadap penggunaan i-Tajwid ini dilaksanakan berpandukan suatu model kajian yang telah dikemukakan oleh Stephen Kemmis et al. (1988). Kaedah i-Tajwid yang diterapkan adalah berbentuk instrumen soal selidik, ujian lisan serta ujian pra atau saringan bagi mengesan masalah pelajar dalam membaca al-Qur'an. Seterusnya, suatu pelan tindakan dirancang untuk menyelesaikan masalah berkenaan. Perancangan berkenaan dilaksanakan dan menentukan hasil yang diperolehi selepas memberikan tindakan dan intervensi. Pengkaji kemudiannya mula merancang satu penambahbaikan terhadap intervensi dengan memberikan penekanan terhadap simbol yang berbeza-beza.

Kaedah i-Tajwid yang diaplikasikan kepada para pelajar adalah sangat efektif dengan menggunakan peta minda yang mempunyai simbol yang berbeza. Menurut Gagne (1996), penggunaan peta konsep merupakan satu strategi kognitif yang mudah diamalkan. Pelajar telah menunjukkan perubahan dari segi peningkatan markah dalam ujian pra dan pasca bagi penguasaan hukum tajwid nun mati dan tanween dengan menggunakan kaedah ini.

Tambahan pula, pembelajaran tajwid semakin hari semakin diperbaharui dengan pelbagai cara yang lebih berteknologi tinggi. Misalnya dalam suatu kajian yang bertajuk *Smart Book: Meningkatkan penguasaan mempelajari nun sakinah dan tanwin* oleh Nor Amalina binti Ahamad Azahari dan Rahim bin Mohamed (2013). Kajian ini juga turut menerapkan Model Kajian Penyelidikan Tindakan daripada Kemmin dan Mc Taggart (1998). Model ini juga dikenali sebagai *action research cycle* yang terdiri daripada empat peringkat iaitu mereflek (*reflect*), merancang (*plan*), bertindak (*action*) dan memerhati (*observe*). Dua instrumen iaitu ujian pra dan pos serta temu bual telah digunakan ke atas para pelajar. Penggunaan *Smart Book* ini telah membantu murid untuk memahami dan mengingat hukum nun sakinah dan tanwin dengan berkesan. Penggunaan bahan bantu belajar yang sesuai dapat mendorong minat murid untuk mempelajari ilmu tajwid dengan lebih seronok seterusnya dapat membantu murid mencapai objektif pembelajaran seperti yang telah dirancang. Oleh itu, kriteria bahan bantu yang sesuai digunakan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran perlulah diambil kira agar ianya membantu murid untuk memahami sesuatu konsep isi pelajaran. Penggunaan *Smart Book* dilihat berjaya dan mampu meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mengenalpasti hukum tajwid seterusnya membaca al-Qur'an dengan bertajwid.

## PROSES ASIMILASI

Zaynab A. Ali (2012) menghuraikan tentang asimilasi dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Arab. Suatu perbandingan mengenai asimilasi yang terdapat dalam kedua-dua bahasa ini telah dijalankan. Asimilasi dalam bahasa Arab merujuk kepada dua bunyi yang hadir dalam satu kalimah atau dua kalimah. Contohnya seperti dua bunyi huruf yang mempunyai titik artikulasi yang sama, kemudian bunyi huruf yang pertama akan mempengaruhi bunyi yang kedua dan sebaliknya. Menurut (al-musauwi) 2007, asimilasi merupakan proses yang berlaku apabila bunyi yang pertama disambungkan dengan bunyi yang seakan-akan dengan bunyinya tanpa diselangi oleh sebarang vokal di antaranya.

Oleh itu, lidah akan dinaikkan sekali bagi mengurangkan penggunaan otot penutur supaya ia dapat menyebut dengan mudah. Hal ini kerana penutur merasakan sukar untuk mengulang semula tindakan menaikkan lidah bagi menghasilkan dua bunyi yang sama. Asimilasi menunjukkan kadar pengaruh dari satu bunyi kepada bunyi yang lain adalah berbeza. Terdapat beberapa bunyi yang mudah dipengaruhi oleh bunyi yang lain. Keadaan ini paling banyak berlaku dalam bacaan bersambung. Kedudukan bunyi-bunyi tersebut yang hadir dalam posisi bersebelahan adalah sebab utama berlakunya asimilasi (Anis Ibrahim, 1975).

Asimilasi dalam bahasa Inggeris melibatkan dua bunyian dan kedua-dua bunyian tersebut memiliki bunyi yang seakan-akan sama antara satu sama lain (Abeer Hadi Salih, 2012). Dalam proses asimilasi, fonem yang mengalami proses asimilasi akan mengambil satu atau beberapa ciri-ciri daripada fonem yang berhampiran dengannya. Misalnya dalam bahasa Inggeris, fonem /n/ memiliki ciri-ciri sebagai suatu bunyian nasal yang berartikulasi pada alveolar dan merupakan bunyian yang bersuara. Manakala fonem /g/ pula merupakan bunyian yang berartikulasi pada langit lembut, dan memiliki ciri letupan serta merupakan bunyian bersuara. Oleh yang demikian, bagi perkataan /*language*/ yang disebut sebagai ['lʌŋgwɪdʒ] dalam bahasa Inggeris menunjukkan bahawa fonem /n/ dalam kata tersebut telah berasimilasi dengan fonem /g/ lalu sebutannya menjadi [ŋ] yang memiliki ciri velar, nasal dan bersuara.

Asimilasi dalam bahasa Arab pula dikatakan sebagai pertindihan atau gabungan di antara dua bunyian yang sama, atau dianggarkan memiliki ciri-ciri yang boleh menjadikannya satu bunyi. Contohnya seperti kata *قَدْ مَن يَعْمَلْ*/man. ya'mal/ disebut sebagai *مَيْعَمَلْ*[maiyaʔmal] dan juga *قَدْ تَبَيَّنْ*/qad. tabaiyan/ menjadi *قَتَبَيَّنْ* [qotabaiyan]. Kedua-dua contoh ini memperlihatkan terdapatnya dua jenis asimilasi yang berlaku dalam bahasa Arab. Pertama, apabila nun sakinah (*quiescent nun*) atau tanwin (*nunation*) yang wujud diakhir perkataan dan diikuti dengan huruf ن, و, م, dan ي, maka proses asimilasi yang berlaku dinamakan sebagai proses asimilasi sebahagian (*Partial Assimilation*) dan disebut juga sebagai “*Idgham Naqis*” dalam bahasa Arabnya. Akan tetapi, sekiranya nun sakinah atau tanween bertemu dengan huruf ج dan ح, maka proses ini pula dinamakan sebagai asimilasi lengkap (*Complete Assimilation*) dan dikenali dengan nama “*Idgham Kamil*” dalam bahasa Arabnya.

Menurut Bloomer (2005), asimilasi merupakan suatu bentuk proses fonologi yang biasa berlaku yang mana bunyi diakhir sesuatu perkataan digabungkan ke dalam bunyian diawal pada

perkataan berikutnya. Fenomena ini berlaku apabila bahagian mulut dan pita suara sudah mula untuk membunyikan sebutan huruf permulaan bagi kata berikutnya sebelum sempat menghabiskan sebutan pada bunyian terakhir kata yang pertama. Contohnya seperti kata /hot potato/. Fonem /t/ pada kata /hot/ digugurkan kerana kedua-dua bibir telah bersedia untuk membunyikan sebutan /p/ pada kata berikutnya iaitu /potato/.

Abeer Hadi (2012) turut memperincikan mengenai jenis-jenis proses asimilasi yang berlaku bagi kedua-dua bahasa ini. Pernyataan ke atas sebab berlakunya proses asimilasi ini juga turut dinyatakan. Menurut beliau, terdapat dua jenis asimilasi yang berlaku mengikut kedudukan fonem-fonem yang tertentu. Antaranya ialah asimilasi regresif dan juga asimilasi progresif. Asimilasi regresif dikatakan berlaku pada kedudukan kiri di mana apabila sesuatu bunyi merubah bunyian yang hadir sebelumnya kepada sesuatu bunyi yang sama dengannya. Contohnya seperti perkataan “*have to*” /hæv/ + /tu/ disebut sebagai [hæf tu] dalam bahasa Inggeris (Mc Gregor, 2009). Manakala asimilasi progresif pula berlaku pada kedudukan kanan perkataan di mana sesuatu bunyi fonem merubah bunyi fonem selepasnya kepada suatu bunyi yang sama dengannya. Misalnya seperti perkataan “English-s”. Bagi perkataan “English” yang menunjukkan pada bilangan yang banyak maka akan wujud fonem /s/ atau /z/ diakhir kata tersebut apabila ianya berlaku selepas bunyian frikatif tak bersuara. Ciri-ciri bunyian bersuara diambil dari konsonan terakhir pada kata dasar.

Perbezaan proses asimilasi yang wujud bagi kedua-dua bahasa ini pula adalah berbeza cara bunyian tersebut diasimilasikan. Di dalam bahasa Inggeris, bunyian yang berasimilasi telah bertukar kepada suatu bunyi yang berbeza. Namun dalam bahasa Arab, bunyi yang berasimilasi menunjukkan berlakunya pertindihan atau gabungan bagi kedua-dua bunyian tersebut untuk menjadi satu bunyian yang sama dengan bunyian huruf yang kedua. Selain itu, dalam bahasa Inggeris, asimilasi boleh berlaku dengan dua cara. Sama ada secara progresif mahupun agresif. Namun hal ini berbeza dengan bahasa Arab yang hanya menunjukkan asimilasi progresif sahaja yang berlaku.

## **HUBUNGKAIT DI ANTARA PROSES ASIMILASI NASAL DALAM BAHASA ARAB DAN BAHASA INGGERIS**

Proses asimilasi berlaku adalah disebabkan terdapatnya pengaruh bunyi dari satu segmen bunyi kepada suatu segmen artikulasi yang lain. Oleh itu, bunyi tersebut akan menjadi sama atau seakan-akan sama bagi satu atau lebih ciri-ciri fonetiknya (Crystal, 1991). Proses asimilasi juga boleh memberi kesan kepada pendengar iaitu dengan menjadikan mereka sukar membezakan bunyi-bunyi tersebut (Katamba, 1991). Tambahan pula, menurut Ladefoged (2001:93), asimilasi adalah suatu bentuk yang lemah dan merupakan suatu proses yang biasa terjadi dalam pengucapan bagi masyarakat British dan Amerika. Mereka yang tidak menggunakan asimilasi turut dianggap kaku dalam percakapannya.

Dalam bahasa Arab, proses asimilasi berlaku disebabkan oleh tiga perkara. Pertama, wujudnya persamaan bunyi yang bersebelahan. Contohnya bunyi Nun Sakinah bertemu dengan huruf nun berbaris contohnya seperti dalam perkataan مِنْ نَذِيرٍ /min. nazirin/ (الكبيسي, 2008:26). Kedua-dua huruf nun ini memiliki sifat dan makhraj yang sama. Namun yang membezakannya adalah tanda di atas huruf nun tersebut sama ada bertanda sukun ataupun berbaris. Cara sebutan

huruf nun yang betul adalah dengan menekankan hujung lidah ke gusi hadapan sebelah atas. Apabila berlakunya pertemuan di antara dua huruf yang sama, maka hendaklah digabungkan bacaan nun sakinah itu tadi ke dalam huruf nun selepasnya.

Kedua, disebabkan oleh kehadiran dua huruf yang berhomorgan dalam perkataan. Misalnya huruf /ذ/ [Dza] dan /ظ/ [za'] yang memiliki titik artikulasi yang sama dalam kalimat اذ ظلوا /idz. zolu/ (al-mursofi, 232). Asimilasi jenis ini, terbahagi kepada dua kategori iaitu asimilasi penuh dan juga asimilasi sebahagian sahaja. Ketiga ialah asimilasi yang berlaku di antara dua huruf yang bersebelahan. Sekiranya kedua-dua huruf yang bersebelahan tersebut mempunyai titik artikulasi yang sama, maka pembaca tidak akan mengasimilasikan sebutan tersebut. Contohnya seperti dalam hukum *IDBG*. Kalimat ولكن لا /walakil. la/ menunjukkan pertemuan di antara bunyi /l/ pada suku kata pertama dengan bunyi /l/ pada suku kata kedua menjadikan proses asimilasi dilenyapkan.

Dalam bahasa Inggeris pula, punca utama berlakunya proses asimilasi adalah apabila wujudnya dua bunyi yang bersebelahan berhomorgan dan kedua-duanya mempunyai bunyi yang menyerupai antara satu sama lain. Contohnya [bad girl]. Kedua-dua bunyi /d/ dan /g/ adalah konsonan hentian letupan bersuara. Proses asimilasi boleh diklasifikasikan kepada empat kategori yang mempunyai beberapa cabang yang kecil. Antaranya ialah asimilasi sebahagian dan asimilasi penuh, perubahan bunyi iaitu bunyi tersebut bersentuhan atau tidak bersentuhan, asimilasi regresif, progresif dan dwi arah serta asimilasi yang berlaku melibatkan alat artikulasi. Asimilasi sebahagian adalah asimilasi yang hanya berlaku pada sebahagian bunyi sahaja. Manakala asimilasi penuh dikatakan juga sebagai asimilasi yang sempurna kerana berlaku pada keseluruhan bunyi tersebut. Asimilasi sebahagian dan asimilasi penuh didapati berlaku dalam kedua-dua bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris. Bagi asimilasi sebahagian, contohnya, "ten bikes" dalam bahasa kolokial disebut sebagai [tem. baiks] menggantikan sebutan [ten. baiks]. Jelas kelihatan bahawa bunyi konsonan /n/ menerima pengaruh dari konsonan berikutnya iaitu /b/ dan ia secara tidak langsung menghasilkan bunyi yang berartikulasi di bibir (*bilabiality*), namun tiada letupan.

Fenomena yang sama juga turut berlaku dalam pembelajaran ilmu tajwid. Misalnya bagi hukum *Iqlab*. Contohnya, مِنْ بَعْدِ /mim. baʔdi/. Bunyi konsonan /n/ (nun sakinah) pada kata tersebut telah dipengaruhi oleh bunyi konsonan di sebelahnyanya iaitu /b/ [ba] lalu menjadikan bacaan bagi kata tersebut bertukar menjadi /m/. Bagi hukum *Iqlab*, huruf nun (/n/) ditukar kepada mim (/m/) kerana mim mempunyai persamaan dari segi titik artikulasinya atau makhrajnya dengan huruf ba'(/b/). Namun, sebutan mim atau /m/ itu dibunyikan sebahagiannya sahaja tanpa merapatkan kedua-dua bibir. Oleh itu, asimilasi sebahagian ini dikenali juga sebagai asimilasi yang tidak sempurna. Asimilasi sebahagian dalam Arab juga dikenali sebagai "asimilasi dengan nasal" di mana nun sakinah atau Tanwin wujud di akhir suku kata dan diikuti dengan huruf [ي] ya', [و] Waw, [م] Mim, [ن] Nun iaitu bunyi yang dikeluarkan dari pangkal hidung. Dalam pembelajaran ilmu tajwid, selain dalam hukum *Iqlab*, fenomena seperti ini juga terdapat dalam hukum *IDMG*. Bagi Asimilasi penuh pula, proses ini dikenali sebagai suatu proses asimilasi yang sempurna. Misalnya dalam bahasa Inggeris, /ten. mice/ disebut sebagai [tem. mice]. Dalam bahasa Arab pula, وَمِنْ مَعِيَ /waman. maie/ dibaca sebagai [wamam. maie]. Kedua-dua contoh tersebut memperlihatkan bahawa konsonan /n/ dan nun sakinah memiliki ciri yang sama dengan konsonan /m/ dan mim lalu menjadikan konsonan /n/ dan huruf nun sakinah tersebut dipengaruhi sepenuhnya.

## KESIMPULAN

Hasil perbincangan yang telah diutarakan di atas, secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa proses asimilasi yang merupakan salah satu proses fonologi juga turut dapat dilihat di dalam pembelajaran ilmu al-Qur'an melalui hukum tajwidnya. Selain daripada wujudnya proses ini di dalam bahasa Arab secara tidak langsung ia dilihat turut berlaku dalam pertuturan bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris. Tidak dinafikan bahawa kemungkinan proses asimilasi ini juga turut berlaku dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Sepanyol, Yawelmani dan sebagainya. Hal ini adalah kerana setiap bahasa tidak lari daripada memperlihatkan kehadiran konsonan di kebanyakan posisi dalam perkataan. Sama ada di posisi onset mahupun koda. Maka apabila pertemuan di antara konsonan yang diikuti dengan konsonan yang lain, maka bunyi segmen tersebut pasti akan dipengaruhi antara satu sama lain. Apa yang membezakannya adalah kejelasan bunyian tersebut sama ada disebut dengan jelas, kurang jelas ataupun dilenyapkan secara keseluruhannya. Begitu juga yang berlaku dalam pembelajaran ilmu tajwid. Proses asimilasi yang dikenal pasti wujud dalam hukum tajwid ini sedikit sebanyak mampu menunjukkan perbezaan dari aspek pembacaan dan ketepatan membunyikan sesuatu huruf al-Quran bagi sesuatu hukum dengan hukum yang lain. Setelah meneliti persamaan di antara proses asimilasi yang berlaku dalam bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris, maka dapatlah dilihat bahawa proses asimilasi ini bukanlah sahaja boleh ditinjau dalam bahasa perucapan, namun boleh juga dibuktikan dalam pembelajaran ilmu tajwid. Oleh itu, pengajian tajwid seharusnya diselitkan penjelasan dari sudut linguistik tentang bagaimana dan mengapa sesuatu huruf itu disebut sedemikian serta apakah proses-proses yang berlaku bagi setiap hukum tersebut. Penerapan pengajian linguistik dalam al-Qur'an secara tidak langsung dapat memperluaskan ilmu al-Qur'an itu sendiri dan ini mampu menarik pengkaji-pengkaji luar dalam bidang linguistik untuk mencuba mengkaji al-Qur'an.

## RUJUKAN

Al-Qur'an

Abeer Hadi Salih. 2012. *Sound Assimilation in English and Arabic: a contrastive study*.

Ahmad Sayuti Anshari Nasution. 2014. *Memfaatkan Kajian Fonetik untuk Pengembangan Pembelajaran Ilmu Tajwid*. Jakarta.

Al-Jazari, Ibn al-Nasyr. 1986. *fi Qira'at al-'Asyr*. Jilid I. Beirut: Dar' al Fikri, tt.

Al-Musuri Manaf Mahdi. 2007. *Ilm al-Aswat al-Lughah*. Baghdad.

Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulaiman ibn Ahmad al-Iman. 1995. *Al Mu'jam al Kabir*. Kaherah: al-Dar al-Haramain.

Al-Juraisi, As-Sheikh Muhammad Makki Nasr. 1996. *نهاية القول المفيد*. Maktabah At-Taufiqiyah, Kaherah, Mesir.

Anis Ibrahim. 1975. *Al-Aswat al-Lughah*. Mesir

- Bloomer, Aileen, Griffiths, Patric, Merrison, Andrew John. 2005. *Introducing Language in Use: A course Book*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Crystal, D. 1991. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Hani Abu Mathkour. 2006. *Phonological assimilation in Arabic and English*.
- Kamal Muhammad al-Mahdi. 1988. *Tajwid al-Qur'an*. Kairo: Dar al-Taufiq.
- Katamba, F. 1991. *An Introduction to Phonology*. London: Longman
- Ladefoged, P. 2001. *A Course in Phonetics*. Orlando: Harcourt College Publisher
- Maisarah Jusoh. 2010. *Peningkatan Hasil Belajar Siswa Dengan Menggunakan Metode Active Learning Tipe Quiz Team Pada Mata Pelajaran Ketrampilan Dasar Komunikasi Di SMK NI*
- Mc Gregor, William. 2009. *Linguistic An Introduction*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Mohd Firdaus bin Mat Nazi. 2010. *Meningkatkan Kefahaman Hukum Tajwid Nun Mati Dan Tanwin Dalam Kalangan Murid Tahun 4 Bestari Sekolah Kebangsaan Darat Batu Rakit Menggunakan Pendekatan Jadual Hukum Lima*. Kuala Terengganu.
- Mohamad Razif bin Mohamad Nawi, So`od bin Chik. 2013. *Penggunaan Kaedah Mnemonik Dalam Meningkatkan Kemampuan Murid Mengingat Huruf-Huruf Bagi Hukum Lima Dalam Kalangan Murid Tahun 4*. IPG Kampus Dato' Razali Ismail.
- Muhammad Abdel Aziz al-Hallawi. 1984. *Kaifa Tujawwid al Qur'an wa Turattiluhu Tartila*, Kairo: Maktabah al-Qur'an.
- Muhammad Ali al-Khuli, Muhammad 'Ali Mu'jam. 1982. *'Ilm al-Ashwat*. Riyadh: Maktabah al-Farazdaq.
- Muhammad al-Shadeq Qamhawı al-Burhan. 1978. *fi Tajwid al Qur'an wa Fadhail al Qur'an*. Kairo: Maktabah al Kulliyat al-Azhariyah.
- Nor Amalina binti Ahamad Azahari, Rahim bin Mohamed. 2013. *Smart Book: Meningkatkan Penguasaan Hukum Nun Sakinah Dan Tanwin*. IPG Kampus Dato' Razali Ismail.
- Nurul Husna binti Abdul Mutalib, Mohd Ja'afar bin Ab Latif. 2013. *Meningkatkan Kemahiran Mengenalpasti Bacaan Dengung Dan Tidak Dengung Dalam Hukum Lima Menggunakan Teknik Pantun Dua Kerat*. IPG Kampus Dato' Razali Ismail.
- Nur Hazirah binti Tahar, Salleh bin Jusoh @ Mamat. 2013. *Penggunaan Kaedah I-Tajwidbagi Menentukan Cara Bacaan Hukum Tajwid Nun Mati Dan Tanwin*. IPG Kampus Dato' Razali Ismail.
- Surur Shahbuddin bin Hassan, Muhammad Azhar bin Zailaini. 2015. *Bentuk-bentuk Kesalahan Bacaan al-Qur'an pelajar di Sebuah IPTA*.
- Rudiyanto. 2014. *Aplikasi Pengenalan Ilmu Tajwid Berbasis Android*. Jawa Tengah.
- Zainatunakmar Abdul Manap. 2012. *Tahap Penguasaan Kemahiran Tilawah Al-Quran di Kalangan murid-murid Tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (1)*. Laporan Akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajaran. Open University Malaysia: Kuala Lumpur.
- Zaynab A.Ali. 2012. *A Phonological Study of English and Arabic Assimilation: A Contrastive Study*.
- Zunnajah Kamaruddin. 2005. *Identification of Tajwid Using Artificial Neural Networks*. Universiti Teknologi MARA.

Nur Zahin Kasnin  
[nurzahinkasnin@gmail.com](mailto:nurzahinkasnin@gmail.com)

Sharifah Raihan Syed Jaafar  
FSSK, UKM, Bangi  
[s\\_raihan@ukm.edu.my](mailto:s_raihan@ukm.edu.my)